

Bah di Pantai Timur makin pulih

Cuma 1,309 masih berada di pusat pemindahan di Pasir Mas, Tumpat

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin
dan Nur Farhanin Abdullah
bhnews@bharian.com.my

● SATIMAN JAMIN | BERITA HARIAN

KUALA LUMPUR: Banjir di Pantai Timur kini semakin bertambah baik dengan keadaan di Terengganu pulih sepenuhnya, manakala di Kelantan, hanya dua daerah masih terjejas iaitu di Pasir Mas dan Tumpat dengan 1,309 orang masih ditempatkan di pusat pemindahan.

Di **KUALA TERENGGANU**, banjir pulih sepenuhnya apabila semua mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan termasuk yang terakhir iaitu di Sekolah Kebangsaan Guntong di sini, kini dibenarkan pulang petang semalam.

Setiausaha Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu, Tajul Ariffin Muhammad, berkata cuaca cerah dan hujan tidak lebat membolehkan air sungai berada di paras baik dan banjir surut.

Bagaimanapun beliau berkata, penduduk terutama di kawasan yang mudah dinaiki air diminta sentiasa berjaga-jaga kerana banjir dijangka melanda pada bila-bila masa.

Di **KOTA BHARU**, pusat penempatan banjir di Kota Bharu yang dibuka sebelum ini ditutup semalam apabila semua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing berikutan paras air semakin surut.

Bagaimanapun, dua jajahan iaitu Pasir Mas dan Tumpat merekodkan 1,309 mangsa membabitkan 373 keluarga di tujuh pusat pemindahan banjir sehingga jam 6 petang se-



PENDUDUK kampung melihat wakaf dan pokok tumbang di pantai Tok Jembal, Terengganu, semalam.

malam berbanding 1,761 orang membabitkan 546 keluarga, kelmarin.

Mengikut portal rasmi eBanjir Negeri Kelantan, 265 mangsa le-

laki, wanita (386), kanak-kanak lelaki (329) dan kanak-kanak perempuan (329) yang ditempatkan di pusat pemindahan dengan jajahan Pasir Mas mencatat jumlah tertinggi iaitu 812 orang, diikuti Tumpat (497).

Sungai Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas masih mencatatkan paras air melebihi paras bahaya iaitu 10.03 meter.

Bagaimanapun, Sungai Galas di Dabong, Sungai Lebir di Tualang, Sungai Kelantan di Tangga Krai dan Jambatan Guillemard pula masing-masing berada pada paras berjaga-jaga.

Beberapa jalan di jajahan Pasir Mas yang masih ditutup kepada kenderaan ringan ialah Jalan Pohon Tanjung-Rantau Panjang (Jalan Lama) di Km3 (Kampung Siram), Jalan Rantau Panjang - Panglima Bayu, Km10 di Kampung Kubang Rambutan, Jalan Banggol Kulim Lokasi 2 di Km1 (Kampung Banggol Kulim), Jalan Pengkalan Rakit di Km3 (Kampung Pengkalan Rakit) di Pasir Mas.

Satu laluan di Jalan Cabang 4, Kampung Jambu, Meranti, Km3 (Kampung Ana) di Tumpat juga masih ditutup kepada kenderaan ringan.

